

11 MAR 2000

UMNO-calon (Kuala Krai)

KUALA KRAI CALON DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

KUALA KRAI, 11 Mac (Bernama) -- Mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kuala Krai hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu turut mencalonkan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, Datuk Syed Hamid Albar dan Datuk Abu Hassan Omar sebagai calon Naib Presiden.

Pencalonan Dr Mahathir dicadangkan oleh Timbalan Ketua Umno Bahagian, Salleh Che Harun dan disokong sebulat suara oleh seramai 303 perwakilan yang hadir melalui undi secara mengangkat tangan.

Mesyuarat yang dirasmikan oleh Ketua Umno bahagian itu Datuk Wan Zaid Wan Abdullah juga mencadangkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah selaku pengerusi tetap dan Datuk Idris Ibrahim sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Sebelum keputusan pencalonan itu dibuat terdapat cadangan yang dikemukakan oleh wakil cawangan Umno Guchil untuk mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Timbalan Presiden Umno.

Semasa pengundian, cadangan yang mencalonkan Tengku Razaleigh ditolak oleh perwakilan yang majoritinya menyokong Abdullah sebagai calon timbalan presiden.

Mesyuarat Umno bahagian Kuala Krai itu adalah yang kedua daripada 14 bahagian Umno negeri ini.

Bahagian Kuala Krai yang bermesyuarat di Sekolah Menengah Teknik Kuala Krai di sini juga membuat pencalonan bagi jawatan Majlis Tertinggi.

Mereka yang dicalonkan untuk menduduki kerusi Majlis Tertinggi ialah Datuk Annuar Musa, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Azmi Khalid, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Paduka Ibrahim Ali, Datuk Abdul Aziz Samsudin dan Datuk Mohd Nazri Tan Sri Aziz.

Turut dicalonkan ialah Datuk Shafei Salleh, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Shafei Apdal, Datuk Tengku Mahmood Mansor, Raja Robia Raja Abdullah dan Datuk Seri Adnan Yaakob.

Datuk Ishak Ismail, Datuk Idris Jusoh, Datuk Paduka Abdul Hamid Othman, Datuk Rohani Ahmad, Datuk Khalid Yunus, Datuk Drs Sulaiman Mohamad, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Zahid Hamidi, Datuk Maznah Abdul Hamid, Abdul Azim Zabidi dan Prof Mahathir Mohd Khir.

-- BERNAMA

AI RI